

EDISI KOMEMORATIF

DIRGAHAYU

**DR. MAHATHIR**

DAN KEPADA PEMIMPIN YANG ITU

DUA PUISI PENTING  
PERALIHAN KUASA

19 JAN 2003

M  
899.231K  
ASS

NASKAH PEMELIHARAAN  
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

**APB** 01136533

A.SAMAD SAID



Wira Bukit Sdn Bhd (319672-P)  
No. 10, Jalan SS 15/5C, 47500 Subang Jaya, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.  
Tel: 603-5633 0894 E-mel: wirabukit@time.net.my


© A.Samad Said  
Terbitan Pertama 2004

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dengan apa jua cara sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada penulis A.Samad Said/Wira Bukit Sdn Bhd, No. 10, Jalan SS 15/5C, 47500 Subang Jaya, Selangor Darul Ehsan.  
Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Perpustakaan Negara Malaysia      Data Pengkatalogan dalam Penerbitan  
A.Samad Said (Abdul Samad Said), Daruk, 1935  
Dirjagahayu Dr. Mahathir/A.Samad Said  
ISBN 983-41196-1-5  
1. Sajak    2. Malay Poetry    I. Judul  
983.41196

Urusan Penerbitan: Daliza Dohat & Helmy Samad  
Reka Bentuk & Atur Huruf: Emila Yusof  
Penyelaras: Marzianna Wati Mohamad Nor  
Pengklianan & Promosi: Tengku Sharifah Zamrood  
Muka Taip Teks: Garamond  
Saiz Taip Teks: 10

Dicetak oleh:  
Harian (Zulfadzli) Sdn Bhd  
No. 24, Jalan Usahawan Lima  
Kawasan Perindustrian Setapak  
Off Jalan Genting Klang, Setapak  
53200 Kuala Lumpur, Malaysia  
Tel: 603-4021 8655 Faks: 603-4021 8645





## Dari abjad direnda kata...

Dari abjad direnda kata dan kata bersantun menjadi puisi. Begitulah puisi **Dirgahayu Dr. Mahathir** ini tercipta. Dan, percayalah, ia tidak terjelma mendadak saja, kerana banyak logika diperlukan untuk mewajahkan seorang Perdana Menteri. Kata-kata harus dan perlu mencari tempatnya sebaik mungkin supaya keindahan dan sejarah dapat saling berganding.

Makanya, saya ingin mencatatkan sedikit sejarah sederhana puisi ini sendiri. Memanglah benar bahawa ia dicipta kerana sesuatu tuntutan peristiwa. Juga memanglah benar bahawa di sana sini ia mengalami "kepayahan" memilih dan menyusun kata-kata. Tidakkah pernah diakui bahawa puisi adalah susunan kata-kata pada tempat sesuainya?

Menyusun kata-kata dalam satu kawasan, dan memujuk kata-kata itu supaya santun dan manis dalam lariknya yang tertentu pasti saja menuntut masa yang lama. Puisi **Dirgahayu Dr. Mahathir** ini memang dicipta dalam satu jangka masa yang panjang – dari 28 Ogos 2003 hingga ke 8 September 2003, hampir 12 hari.

Sebuah puisi dalam 12 hari?

Ia bukan jenaka, mklum saja banyak logika diperlukan untuk mewajahkan seorang Perdana Menteri. Dan lebih sulit lagi untuk menyantunkan kata-kata supaya tidak ternampak "mengada-ngada" atau "melampau-lampau."

Untuk mewartakan tindakan seni itu, dalam buku comel dan indah ini, saya perturunkan titisan dan coretan ilham proses penciptaan puisi ini dari awal hingga ke akhirnya. Pada akhir Ogos (khususnya 29 Ogos 2003), saya perturunkan saja segala apa yang terlintas dalam hati dan minda saya. Sejak pengalaman awal, saya dapati larik puisi memang terbentuk begitu. Tidak mudah – malah tidak boleh – ditulis sekali lalu terus saja menjadi. Fikiran yang dicabar oleh khayalan tidak memungkinkan larik puisi tertitis dengan logisnya. Kerana itu, jika diteliti lakaran larik puisi awalnya, kita akan mendapati bahawa terkadang-kadang larik pertama itu seperti kurang manis dan kurang logisnya.

Catatan menunjukkan bahawa saya memulakannya dengan dua baris kata:

*Tuan pemimpin yang terlalu banyak bara  
galak menyala walau tanpa serbuan angin.*